

18 APR 1999

Mohamed-Sokong

BN TERUS MANTAP DAN MENDAPAT SOKONGAN, KATA MOHAMED

JOHOR BAHRU, 18 April (Bernama) -- Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Mohamed Rahmat hari ini berkata semangat kerjasama antara parti komponen BN kini semakin mantap, dan sokongan orang ramai terhadap kerajaan terus meningkat.

"Ini menampakkan mesej bahawa rakyat negara ini masih menyokong kerajaan BN, kerana mereka yakin terhadap keupayaan kerajaan untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Maal Hijrah peringkat Parlimen Umno Pulau di sini.

Mohamed, yang juga Menteri Penerangan berkata, walaupun UMNO menghadapi pelbagai cabaran sejak ia ditubuhkan namun kewibawaan parti itu masih sukar dicabar.

"Elemen penting yang membawa keutuhan dan kemantapan parti itu ialah perjuangannya menegakkan martabat bangsa dan negara, selain mengutamakan perpaduan dalam parti komponen BN," katanya.

Menurutnya, disebabkan faktor itulah UMNO dan kerajaan BN tetap utuh dan kukuh serta diterima oleh rakyat.

Oleh kerana itu, katanya, semua parti komponen BN mahukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus kekal menjadi pemimpin di negara ini walaupun ada percubaan dari luar yang mahu beliau disingkirkan.

"Kita berpendapat peletakan jawatan Dr Mahathir tidak akan dapat menyelesaikan masalah, sebaliknya akan menambahkan lebih banyak masalah kepada negara," katanya.

Mohamed yakin selagi rakyat dan parti komponen BN terus menunjukkan kesetiaan kepada kepimpinannya dan negara, sudah pasti Malaysia akan menjadi lebih kukuh.

-- BERNAMA

BH RI